

Pembinaan Modul Pintar Murajaah al-Quran di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 094-105
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 21 Jun 2022
Accepted: 1 September 2022
Published: 30 September 2022

[Development of al-Qur'an Murajaah Smart Module in Tahfiz Institution Malaysia]

Nor Hafizi Yusof,¹ Mohd Faiz Hakimi Mat Idris,¹ Felza Zulhibri Abdul Hamid²
& Muhammad Zawawi Ali³

- 1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: norhafizi@unisza.edu.my; faizhakimi@unisza.edu.my
- 2 Centre For Languages And Pre-University Academic Development, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Kuantan, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang MALAYSIA.
E-mail: felza@iium.edu.my
- 3 Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Jalan Bukit Keluang, Kota Putra, 22200 Besut, Terengganu MALAYSIA.
E-mail: zawawiali@ipgmsm.edu.my

* Corresponding Author: norhafizi@unisza.edu.my

Abstrak

Kecenderungan masyarakat dan ibu bapa terhadap sistem pendidikan tahfiz dapat dilihat apabila institusi tahfiz sentiasa menjadi pilihan ibu bapa sebagai intitusi pendidikan menengah atau tinggi bagi anak-anak mereka. Sistem pengajian tahfiz memerlukan peruntukan masa yang mencukupi dan disiplin yang baik kerana mereka memerlukan tumpuan dan menggunakan masa yang lebih bagi mengimbangi antara menghafaz al-Quran, menjaga hafazan serta mengikuti pengajian akademik dan ko-kurikulum yang lain. Sesuai dengan perkembangan kaedah pembelajaran terkini, sistem murajaah juga perlu dimodenkan sesuai dengan keperluan dan bebanan pelajar. Ia juga memerlukan satu modul penjagaan hafazan yang efektif dan menjimatkan masa bagi memastikan cita-cita melahirkan para profesional huffaz tercapai. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji teknik murajaah sedia ada yang diamalkan di pusat-pusat tahfiz sekarang, mengenal pasti elemen asas bagi murajaah yang memenuhi keperluan penghafaz al-Quran dan membina satu Modul Pintar Murajaah yang mempunyai ciri-ciri mesra huffaz. Kajian ini dibangunkan melalui proses-proses dalam beberapa fasa iaitu fasa pertama analisis keperluan, fasa kedua analisis kaedah-kaedah efektif dalam murajaah al-Quran, fasa ketiga mereka bentuk modul murajaah yang mesra huffaz dan fasa keempat membangunkan modul Pintar Murajaah yang mesra huffaz yang merangkumi dua bahagian iaitu penyediaan modul dan percubaan modul. Pelaksanaan percubaan Modul Pintar Murajaah menunjukkan hampir kesemua pelajar yang terlibat menunjukkan hasil yang positif. Hasil tersebut bukan hanya pada keputusan setelah ujian berlangsung, malah cara pelajar itu sendiri iaitu bacaan lebih lancar, tajwid lebih teratur dan kesalahan bacaan semakin berkurangan. Hasil kajian ini akan digunakan oleh institusi tahfiz khususnya tahfiz integrasi akademik yang sememangnya masih tidak mempunyai modul khusus dalam bidang ini. Ia juga dijangka mampu meningkatkan kualiti hafazan pelajar tahfiz bukan hanya sekadar khatam hafazan sahaja tanpa mampu menguasai hafazan tersebut..

Kata kunci: Modul-Pintar-Murajaah-Huffaz.

Abstract

The tendency of society and parents towards the tahfiz education system can be seen when many parents choose tahfiz institutions as secondary or higher education institutions for their children. The tahfiz study system requires adequate time allocation and good discipline because they need focus and more time to balance memorizing the Quran, maintaining memorization, and following other

academic and co-curricular activities. Following the development of the latest learning methods, the murajaah system also needs to be modernized according to the needs and burden of students. It also requires an effective and time-saving memorization maintenance module to ensure the aim of producing huffaz professionals is achieved. Therefore, this study aims to examine the existing murajaah techniques practiced in current tahfiz centers, identify the basic elements for murajaah that meet the needs of huffaz, and build a Smart Murajaah Module that has huffaz-friendly features. This study was developed through processes in several phases, namely needs analysis in phase one, analysis of effective methods in murajaah of the Quran in phase two, designing huffaz-friendly murajaah modules in phase three, and developing a huffaz-friendly Smart Murajaah Module that includes two parts: Module Preparation and Module Trial in phase four. The trial implementation of the Murajaah Smart Module showed that almost all the students involved showed positive outcomes. The outcome is not only in the results after the test but also in the way the students read more fluently, tajwid is more organized, and reading errors are reduced. The results of this study will be used by tahfiz institutions, especially academic integration tahfiz that still do not have specific modules in this field. It is also expected to improve the quality of tahfiz students' memorization, not just to finish memorization without being able to master it.

Keywords: Module-Smart-Murajaah-Huffaz

Cite This Article:

Nor Hafizi Yusof, Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Felza Zulhibri Abdul Hamid & Muhammad Zawawi Ali. (2022). Pembinaan Modul Pintar Murajaah al-Quran di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia [Development of al-Qur'an Murajaah Smart Module in Tahfiz Institution Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 094-105.

Pengenalan

Aspek terpenting dalam hafalan al-Quran ialah kemampuan mengingat dan kelancaran bacaan. Bagi mencapai tujuan tersebut ia memerlukan kemahuan, istiqamah yang tinggi serta peruntukan waktu setiap hari untuk mengulangi hafalannya. Sistem pengajian berteraskan hafalan al-Quran bukanlah suatu perkara baru, malah ianya telah bermula sejak zaman Rasulullah saw dan menjadi tradisi ilmu yang diwarisi kepada para sahabat, tabiin seterusnya para ulama hingga kini. Secara tradisinya pengajian tahfiz lebih tertumpu pada sistem tradisional atau pondok berpandukan sistem tahfiz yang diwarisi oleh guru-guru lepasan Arab Saudi, Mesir, Yaman, Pakistan, India dan beberapa negara di Asia Tenggara seperti Indonesia.

Dalam konteks Malaysia hari ini, pusat-pusat tahfiz yang dibina sama ada oleh pihak kerajaan atau pun pihak swasta serta persendirian mempunyai aliran pengajian iaitu aliran tahfiz pondok atau madrasah dan tahfiz akademik (Muhammad Zawawi Ali, 2021). Aliran tahfiz pondok atau madrasah merupakan sistem pengajian pada peringkat awal dan ianya diamalkan hingga sekarang seperti di kebanyakan institusi tahfiz setiap negeri di bawah kelolaan JAKIM dan juga swasta seperti kebanyakan tahfiz pondok. Aliran Tahfiz akademik pula timbul sebagai satu pembaharuan dalam sistem pengajian tahfiz. Ia diasaskan berdasarkan minat dan permintaan yang tinggi dari pelajar dan ibu bapa terhadap hafalan al-Quran. Mereka berpendapat hafiz al-Quran perlu di perluaskan dalam pelbagai profesyen bukannya tertumpu kepada pengajian agama sahaja atau menjadi ustaz sahaja. Antara sekolah aliran Tahfiz

akademik terawal di bawah kelolaan kerajaan ialah Sekolah menengah IMTIAZ pada tahun 1995 (Muhammad Zawawi Ali, 2021).

Apa pun aliran tahfiz yang dilalui oleh pelajar, tanggungjawab utama mereka ialah menghafal al-Quran serta menjaga hafalan tersebut daripada lupa. Justeru, aliran tahfiz integrasi dilihat mempunyai cabaran yang besar dalam mencapai matlamat ini. Hal ini kerana kekangan masa serta terpaksa mempelajari subjek-subjek akademik seiring dengan hafalan al-Quran setiap hari. Aspek terpenting dalam menghafal adalah bagaimana kita meningkatkan kelancaran (menjaga) atau melestarikan hafalan tersebut sehingga al-Quran tetap ada dalam dada kita. Untuk melestarikan hafalan diperlukan kemahuan yang kuat dan istiqamah yang tinggi. Dia harus meluangkan waktunya setiap hari untuk mengulangi hafalannya. (Anisa Ida Khusniyah, 2014, 29-30)

Latar Belakang Hafalan dan Penjagaan al-Quran

Hafalan al-Quran

Secara umumnya tiada kaedah tertentu dalam menghafal al-Quran. Ia bergantung kepada kemampuan dan kebolehan serta kesesuaian cara masing-masing kerana setiap penghafaz mempunyai sifat dan kebolehan yang berbeza. Namun berdasarkan pengalaman dan kajian tokoh-tokoh akademik beberapa kaedah hafalan yang dicadangkan adalah seperti berikut (Darul Quran JAKIM, 2019):

- i. Memastikan bacaan lancar dan betul sebelum menghafal
- ii. Menentukan kadar hafalan dan tidak berpindah ayat sehingga betul-betul lancar
- iii. Menggunakan satu mushaf sahaja supaya hafalan tidak bercelaru
- iv. Memilih waktu yang berkualiti dan tempat yang sesuai yang terhindar dari gangguan
- v. Menggambarkan kedudukan ayat-ayat dan muka surat yang dihafal dalam ingatan. Sekiranya ada kemampuan boleh menghafal nombor ayat.
- vi. Menulis ayat-ayat hafalan dan sebaiknya membantu hafalan dengan melihat terjemahan atau tafsir.
- vii. Tasmik dengan rakan terlebih dahulu sebelum tasmik dengan guru
- viii. Berdoa sebelum dan selepas hafalan

Murajaah al-Quran

Permasalahan Pelajar dalam Murajaah al-Quran

Secara umumnya berdasarkan respons para pelajar ketika sesi motivasi al-Quran yang diadakan di sekolah-sekolah Imtiaz dan program Tamayyuz, antara permasalahan utama para penghafal al-Quran dalam menjaga hafalan mereka ialah:

- i. Tiada jadual tetap murajaah al-Quran
- ii. Tidak mempunyai target kadar ulangan harian, hanya mengulang al-Quran ikut *mood*
- iii. Tiada strategi yang tersusun dalam murajaah al-Quran
- iv. Sibuk dengan perkara yang tidak penting dan melalaikan.

Hafiz Abdullah (2003) dalam kajiannya menyenaraikan masalah-masalah dalam penjagaan al-Quran terbahagi kepada dua iaitu:

1. Masalah dalaman (*internal*)
 - i. Cinta dan sibuk dengan dunia
 - ii. Tidak merasai kenikmatan al-Quran
 - iii. Hati yang kotor dengan maksiat
 - iv. Tidak sabar dan mudah berputus asa
 - v. Niat tidak ikhlas
2. Masalah luaran (*external*)
 - i. Tidak mampu membaca dengan baik
 - ii. Tidak mampu mengurus masa dengan baik
 - iii. Sukar membezakan ayat-ayat *mutasyabihat* (ayat-ayat yang sama atau hampir sama)

Berdasarkan kajian Nor Hafizi Yusof (2020) terhadap dua halaqah al-Quran (18 pelajar) di Sekolah Imtiaz Kuala Terengganu dan SMA Khairiah Kuala Terengganu pada bulan Julai 2020 menunjukkan secara umumnya kebanyakan para pelajar tahfiz integrasi tidak dapat menguasai hafalan al-Quran kerana kekangan-kekangan subjek pembelajaran yang banyak dan jadual yang padat dan tidak mampu membahagikan masa antara al-Quran dan aktiviti akademik lain dengan masing-masing (83%). Dapatan awal juga menunjukkan bahawa para pelajar bermotivasi dalam murajaah al-Quran (44%) mempunyai teknik dan jadual khusus untuk murajaah al-Quran (66%). Namun teknik dan jadual ini tidak dapat diikuti sepenuhnya kerana kekangan yang dinyatakan tadi iaitu kekangan masa dan tidak mampu membahagikan masa antara al-Quran dan aktiviti lain. Perkara ini dapat dilihat apabila majoriti pelajar mengaku bahawa mereka hanya mampu murajaah al-Quran hanya sejuzuk sehari. Paling banyak beberapa pelajar mampu mengulang hanya 2 juzuk sehari. Ia merupakan suatu jumlah yang tidak memadai bagi para huffaz yang sedang berada dalam tempoh pengajian.

Dari segi teknik murajaah, majoriti pelajar berada pada tahap jarang pada perkara berikut:

- i. Tasmik murajaah dengan kawan-kawan
- ii. Soalan secara rawak dalam al-Quran (tebuk)
- iii. Menetapkan waktu khusus untuk mengulang
- iv. Mengulang melebihi 3 kali hafalan baru selepas tasmik dengan guru dalam sehari
- v. Murajaah melalui pendengaran seperti mp4 atau *Youtube*

Justeru panduan murajaah akan dibangunkan berdasarkan permasalahan utama pelajar iaitu faktor kekangan masa dan kemampuan dan strategi mengatur jadual antara murajaah al-Quran dan aktiviti-aktiviti lain. Panduan yang berkonsepkan empat kunci utama iaitu kesedaran, kesungguhan, istiqamah dan kesabaran juga akan menekankan aspek teknik murajaah yang menjadi kelemahan dalam kalangan pelajar terutamanya pemantapan hafalan sebelum tasmik dan pengukuhan hafalan baru selepas tasmik.

Panduan Umum Murajaah al-Quran

Berikut adalah panduan umum dalam murajaah al-Quran:

1. Sebaik sahaja selesai tasmik dengan guru, ulangi lagi bacaan tanpa melihat mushaf 1/2 kali secara bersendirian bagi menjaga kesinambungan hafalan kerana ingatan ketika tasmik merupakan ingatan jangka pendek dan mudah lupa sekiranya tidak disusuli dengan ulangan pemantapan tersebut.
2. Mengulangi setiap hari ayat-ayat yang baru di hafal sehingga benar-benar terpahat kemas di hati.
3. Menetapkan jadual waktu menghafal, waktu mengulang hafalan baru, dan hafalan lama.
4. Sekiranya hafalan telah banyak boleh dibahagikan mengikut kesesuaian masa seperti:
 - i. Awal pagi atau sebelum subuh hafal baru
 - ii. setiap lepas solat - hafalan yang dah lancar 1-2 *maqra'*
 - iii. selepas solat maghrib - 4 *maqra'*/sejuzuk.
5. Boleh juga dibahagikan kepada tahap ingatan seperti, lancar (contoh juz 1) kurang lancar (Juz 2) perlu hafal semula (Juz 3) dan memberikan peruntukan masa yang sesuai dengan tahap ingatan dan kelapangan waktu.
6. Biasakan mengulang tanpa mushaf dan mengulang ketika terdapat ruang masa seperti ketika berjalan, menunggu sesuatu, dalam kenderaan dan sebagainya.
7. Mesti meletakkan target kadar ulangan sehari umpamanya 3 juzuk atau 5 juzuk dan sebagainya dan mengatur masa dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya
8. Sekali-sekala boleh juga melakukan ulangan melalui pemerhatian di mushaf dan membaca dalam hati dengan cepat. (bagi hafiz/pelajar yang sibuk)
9. Mengamalkan bacaan surah-surah yang masyhur ketika mengimami solat atau dalam solat sunat rawatib dan solat tahajud.
10. Melakukan aktiviti permainan tebak menebak atau tasmik dengan rakan bagi memantapkan lagi hafalan dan meningkatkan lagi motivasi.
11. Mengulangkaji melalui pendengaran samada melalui telefon tangan, komputer dan sebagainya.
12. Motivasi boleh ditingkatkan dengan memerhati tokoh-tokoh yang mantap dalam hafalan al-Quran serta menonton video klip bacaan hafalan yang bagus.
13. Berdoa

Pandangan Pakar tentang hafalan dan Murajaah al-Quran

Tiga orang pakar al-Quran telah ditemuramah bagi mendapatkan penjelasan dan panduan berkaitan permasalahan pelajar dalam hafalan dan penjagaan al-Quran.

1. Prof Madya Dr Khairul Anuar bin Mohammad

Beliau merupakan Profesor Madya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga merupakan hakim musabaqah al-Quran peringkat antarabangsa. Menurut beliau untuk menguasai hafalan al-Quran dalam sistem integrasi tahfiz dan akademik, perlu ada 'hukum' untuk mengingat al-Quran. Istilah 'hukum' dipilih kerana ia merupakan elemen yang wajib ada. 'Hukum' tersebut pertamanya adalah pelajar yang mampu menghafal al-Quran. Kedua ialah guru yang mahir dalam mengajar al-Quran dan ketiga ialah sistem iaitu penjadualan, panduan dan silibus yang sesuai. Ketiga-tiga perkara ini adalah asas untuk hafalan al-Quran. Pelajar perlu menghafal, mengulang hafalan dengan fasih dan lancar sebelum tasmik.

Antara permasalahan yang berlaku kebanyakan guru tasmik terima hafalan pelajar yang tidak lancar dan belum fasih kerana masing-masing perlu mengejar silibus dalam masa yang terhad. Hal ini menyebabkan hasilnya tidak akan berkualiti dan mudah untuk hilang hafalannya. Mengikut pengalaman beliau, sebanyak 5% sahaja daripada keseluruhan pelajar dalam setahun yang mampu mengingat al-Quran dengan baik.

Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah penjagaan hafalan ini beliau mencadangkan supaya pelajar menghafal dan melancarkan hafalan dengan baik sebelum tasmik dengan guru. Keduanya peruntukan masa yang mencukupi iaitu fokus bersama al-Quran adalah sembilan jam sehari termasuk murajaah. Untuk mencapai target ini para pelajar memerlukan komitmen yang tinggi dalam hafalan baru dan murajaah. Selain itu, peranan guru juga amat penting dalam melahirkan pelajar yang ingat al-Quran. Guru-guru perlu diberikan latihan dan kursus supaya sentiasa bersemangat dan menjadi yang terbaik dari semasa ke semasa.

Menurut beliau, para pelajar perlu murajaah al-Quran sekurang-kurangnya 3 juz setiap hari. Ini bermaksud dalam 10 hari telah selesai sekali khatam. Jika cara sebegini tidak mampu, ia tidak layak dipanggil Ahlul Quran. Beliau menambah bagi memastikan kemantapan hafalan, guru yang mengajar pelajar tahfiz ini perlulah seorang al-hafiz kerana guru tersebut perlu tahu membezakan di mana ayat yang sukar dan mudah, ayat seakan-akan sama, surah yang susah untuk dikuasai serta ayat yang ada pengajarannya.

Bagi pelajar-pelajar yang kesibukan masa untuk murajaah al-Quran beliau mencadangkan supaya bangunlah satu jam sebelum subuh untuk murajaah al-Quran. Dari sudut penjadualan murajaah pula, jika ada sebahagian ingat dan sebahagian lupa maka ia perlu kekalkan murajaahnya dan perlu disertakan jadual yang senang untuk diikutinya bagi menampung murajaah yang dilupanya itu. Bagi yang tidak ingat langsung murajaah ini, dia perlu fokus dan menghafal semula satu atau dua muka sehari kerana hafalan semula al-Quran selepas khatam lebih penat berbanding dari hafalan baru. Keazaman dan mujahadah yang kuat sangat penting untuk ingat kembali al-Quran. (Temubual pada 21 November 2019)

2. Tan Sri Dr. Ismail bin Muhammad al-Hafiz

Beliau merupakan mantan Imam besar Masjid negara juga pengasas Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu. Menurut beliau menceburi bidang tahfiz merupakan satu pilihan yang terbaik namun ia merupakan kerja sia-sia sekiranya tidak disertai dengan murajaah yang konsisten. Murajaah memerlukan kesungguhan dan peruntukan masa yang mencukupi agar hafalan terpelihara dengan baik seperti memperuntukkan waktu pagi untuk hafalan dan murajaah al-Quran sebelum mempelajari subjek akademik. Manakala waktu malam perlu diberi kebebasan kepada pelajar untuk menghafal baru dan mengulang hafalan lama. Beliau juga menolak sistem hafalan ekspres yang hanya mengejar khatam secara cepat tanpa menekankan aspek murajaah (Temubual pada 15 November 2019)

3. Syeikh Muhamed Abdelnaby Abdelhasib

Beliau merupakan seorang pensyarah al-Quran dan Qiraat di Maahad Qiraat al-Azhar Syoubra, Mesir. Menurut beliau menghafal al-Quran perlu bermula dari peringkat kanak-kanak sebaik-baiknya sekolah rendah. Selain pengajaran akademik di sekolah anak-anak perlu didedahkan dengan pengajian dan hafalan al-Quran di luar waktu rasmi persekolahan. Perlu ada pusat pengajian al-Quran bagi pelajar belajar al-Quran dan menghafal secara khusus di luar waktu rasmi persekolahan seperti Kuttab dan sebagainya. Ia sebagai satu persediaan sebelum pelajar memilih sekolah bidang tahfiz di peringkat menengah. Hafalan secara sedikit-sedikit secara konsisten dan menekankan aspek hafalan merupakan satu disiplin yang perlu diterapkan dalam kaedah hafalan bermula kanak-kanak. Beliau juga menolak kaedah hafalan segera tanpa menekankan aspek murajaah. Selain bertalaqqi bacaan dengan guru pelajar juga perlu diterapkan hukum tajwid secara beransur-ansur sesuai dengan tahap pembelajaran dan usia mereka bagi memasti mereka buka sahaja mampu mengingat al-Quran bahkan mampu membaca dengan hukum tajwid yang betul. (Temubual pada 21 November 2019)

Pembinaan Modul Pintar Murajaah

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikumpul daripada responden serta kajian terhadap kaedah-kaedah murajaah berkesan berdasarkan kajian kitab dan temubual tokoh SIAPA? satu Modul Pintar Murajaah telah dirangka seperti berikut.

Jadual Tasmik

Hari	Aktiviti	Muka Surat
Ahad	Tasmik Hafal Baru	1
Isnin	Tasmik Hafal Baru	2
Selasa	Tasmik Hafal Baru	3
Rabu	Tasmik Hafal Baru	4
Khamis	Tasmik Murajaah*	1-4

* Tasmik murajaah boleh dilakukan secara berpasangan sekiranya masa tidak mengizinkan tetapi dengan pemantauan guru

Jadual Murajaah (Baru)

Ms Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Ahad	10									
Isnin	1	10								
Selasa	1		10							
Rabu	1			10						
Khamis	1				10					
Jumaat	Murajaah Lama									
Sabtu	Murajaah Lama									
Ahad	1					10				
Isnin	1						10			
Selasa	1							10		
Rabu	1								10	
Khamis	1									10
Jumaat	Murajaah Lama									
Sabtu	Murajaah Lama									

Keterangan:

- Bermula hari ahad pelajar akan menghafaz muka surat pertama dan selepas tasmik dengan guru pelajar dikehendaki mengulangi sebanyak 10 kali hafazan tersebut pada hari itu.
- Pada hari Isnin pelajar akan menghafaz mukasurat kedua dan selepas tasmik dengan guru akan mengulang sebanyak 10 kali juga hafazan tersebut serta 1 kali hafalan muka surat satu semalam dan begitulah seterusnya.
- Digalakkan setiap setengah juzuk (10 mukasurat) atau satu juzuk tasmik sekali lagi dengan rakan secara berpasangan.

Borang Murajaah Hafalan Baru**Minggu: 1**

Bil Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Tanda Tangan/ Catatan Guru
Ahad											
Isnin											
Selasa											
Rabu											
Khamis	Tasmik 4 Mukasurat										

Minggu: 2

Hari \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Tanda Tangan/ Catatan Guru
Ahad											
Isnin											
Selasa											
Rabu											
Khamis	Tasmik 4 Mukasurat										

Minggu: 3

Hari \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Tanda Tangan/ Catatan Guru
Ahad											
Isnin											
Selasa											
Rabu											
Khamis	Tasmik 4 Mukasurat										

Minggu: 4

Hari \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Tanda Tangan/ Catatan Guru
Ahad											
Isnin											
Selasa											
Rabu											
Khamis	Tasmik 4 Mukasurat										

Minggu: 5

Hari \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Tanda Tangan/ Catatan Guru
Ahad											
Isnin											
Selasa											
Rabu											
Khamis	Tasmik 4 Mukasurat										

Keterangan:

1. Pelajar perlu tanda (/) pada ruangan nombor selepas setiap kali selesai murajaah baru (selepas tasmik dengan guru).
2. Sehari pelajar perlu ulang sebanyak 10 kali murajaah baru selepas tasmik dengan guru tanpa melihat mushaf.
3. Pada setiap Khamis pelajar perlu tasmik empat mukasurat yang dihafal bermula ahad hingga rabu.
4. Selepas hafalan 12 mukasurat guru melakukan tasmik murajaah secara berpasangan dengan pemantauan guru (Khamis minggu ke-3).
5. Selepas hafalan satu juzuk (20 mukasurat) guru melakukan tasmik secara berpasangan baki lapan mukasurat dengan pemantauan guru.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini telah berjaya mencapai semua objektif yang telah digariskan oleh para penyelidik. Objektif pertama iaitu mengkaji teknik murajaah yang sedia ada diamalkan di pusat-pusat tahfiz sekarang iaitu melibatkan dua institusi Tahfiz yang utama di Malaysia iaitu Madrasah Tahfiz Kubang bujuk dan Darul Quran JAKIM serta tahfiz-tahfiz yang berada di bawahnya. Teknik ini telah dikaji berdasarkan pemantauan penyelidik di pusat tahfiz yang terlibat. Objektif kedua pula ialah mengenal pasti elemen asas bagi murajaah yang memenuhi keperluan tahfiz penghafaz al-Quran yang merangkumi Teknik hafalan serta penjagaan sejurus selepas tasmik hafalan tersebut. Objektif ini juga tercapai apabila penyelidik menemubual beberapa tokoh untuk penerangan yang lebih jelas tentang elemen asas bagi murajaah. Objektif ketiga juga tercapai apabila berjaya menghasilkan modul murajaah bagi pelajar-pelajar tahfiz integrasi akademik. Selepas diuji modul ini telah menunjukkan hasil yang sangat memberangsangkan dengan menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik dari sudut pelaksanaannya. Lebih separuh iaitu 73% daripada responden menunjukkan peningkatan dalam murajaah masing-masing.

Modul ini perlu dilaksanakan pada awal pengajian hafalan bermula juzuk pertama ketika para pelajar masih bersemangat untuk mengaji. Apabila pelajar didedahkan dengan cara ini pada awalnya, maka ia sudah menjadi sehati di dalam dirinya dan tidak perlu memikirkan banyak perkara seperti program sekolah yang sering diadakan dan peperiksaan yang kebanyakannya dilakukan pada akhir tahun. Modul ini juga perlu di wartakan secara rasmi penggunaannya oleh pentadbir sekolah serta memerlukan Kerjasama dan pemantauan yang rapi dan berterusan daripada guru tasmik. Aspek penekanan kepada elemen murajaah perlu diutamakan sering hafalan baru bukan hanya mengejar hafalan baru serta berlumba untuk khatam cepat bagi mencapai rekod cemerlang sesebuah sekolah.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Rauf. (1994). *Kiat Sukses Menjadi Hafidz Qur'an Da'iyah; Syarat dengan Penanaman Motivasi, Penjelasan Teknis dan Pemecahan Masalah*. Jakarta: Insan Qur'ani Press.
- Abdul Hafiz Abdullah (Ketua Penyelidik). (2003). *Penyelidikan Jangka Pendek: Keberkesanan Kaedah Hafalan Di Pusat Tahfiz*. Skudai: Research Management Centre Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah (2005). *Laporan Penyelidikan: Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafalan al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*, Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Abdul Mutalib Hussain (2003). "*Pengajian Tahfiz al-Quran: Satu Kajian Di Ma'ahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulau Pinang*" Latihan ilmiah Sarjana Muda, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Mutalib Hussain. (2003). *Pengajian Tahfiz al-Quran: Satu Kajian di Ma'ahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulau Pinang*. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Abu Najihat al-Hafiz. (2001). *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abu Shabah, Muhammad bin Muhammad. (1992). *al-Madkhal li Dirasat al-Quran al-Karim*. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Abu Zar'ah, Abdul Rahman Muhammad. (2001). *Hujjat al-Qiraat*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed, Adel M. Abdulaziz, Mohamed Abdullahi Nur & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2003. *Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial, KUIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Ahmad Dasuki Hashim. 2002. "*Perbezaan Maahad Tahfiz Swasta dan Kerajaan: Suatu Kajian di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Darul al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*", Latihan ilmiah Sarjana Muda, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Badarudin Taroji. 1998. *Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Mengenai Sistem Pentadbiran dan Sistem Pembelajarannya, Tinjauan Khusus di Lembah Klang*. Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM, KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Fauziah Mohd Noor. 1993. *Penghafalan al-Quran Di kalangan Wanita: Satu Kajian di Maahad Tahfiz, Pusat Islam*. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Masahuri Sampe 2002. "*Keberkesanan Penghafalan al-Quran: Satu Kajian Di Ma'ahad Tahfiz al-Quran al-Itqan*" Latihan ilmiah Sarjana Muda, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Md Romzi Abdullah. 1999. "*Tahfiz al-Quran dan Tarbiahnya Dalam Melahirkan Para Huffaz yang Berwibawa: Kajian Khusus di Madrasah al-Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu*", Latihan ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Marzuki Abdul Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafalan al-Quran: Suatu Kajian Ma'ahad Tahfiz Zon Tengah” , Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Fazri Ahmad Murad. 1999. *Metode-Metode Penghafalan al-Quran : Kajian Khusus di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Sembilan, MaahadAhmadi, Gemenceh, Negeri Sembilan*. Universiti Malaya: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Muhaidi Mustaffa. 2010. “*Hafalan al-Quran dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari Tahun 1997-2007*” Disertasi Sarjana Universiti Malaya.
- Muhammad Zawawi Ali. 2021. *Penilaian pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Sekolah Menengah IMTIAZ Negeri Terengganu*. UniSZA: Terengganu
- Norkhairilizah Hamzah. 2005. “*Parantel Role In Promoting Children’s Quranic Memorization*”, Disertasi Sarjana, Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insan, Universiti Islam Antarabangsa.
- al-Qazwini, al-Hafiz Abi Abdullah Muhammad bin Yazid. t.th.. *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Isa al-Babial-Halabi wa Syarkah
- Sedek Ariffin. 2012. Kaedah menghafal al-Qur'an di Institusi Tahfiz al-Qur'an di Malaysia: Kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, JAKIM dengan kaedah al-huffaz, Thesis Ph.D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Sharbini, Ibrahim Abd. al-Mu'an. 1995. *Qasd al-Sabil Ila al-Jinan Bi Bayan Kaif Tahfaz al-Quran*. Mansurah: Maktabat al-Iman.
- Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar. 2003. *Tahfiz al-Quran: Sejarah dan Perkembangannya*, Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran, Mei, KUIM.
- Syukeri Mohamed. 2010. *Inovasi Kurikulum Sekolah Menengah: Kes Sekolah Imtiaz*. UMT: Terengganu.